

Program Motivasi Pelajar Matematik dengan Ekonomi

Artikel oleh: Yong Enn Lun

Satu ceramah sempena Motivasi Mentor Mentee Program Matematik dengan Ekonomi telah diadakan pada 12 Mac 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama SST. Ceramah ini telah disampaikan oleh Prof. Dr. Zainodin Hj. Jubok dengan tajuk 'Keberkesanan dalam Pembelajaran di Universiti'. Fokus ceramah tersebut diutamakan kepada para pelajar yang memperoleh pencapaian PNGK kurang memuaskan. Penceramah telah memberi maklumbalas terhadap jawapan para pelajar mengenai soalan yang telah diedarkan seminggu sebelum ceramah berlangsung. Langkah ini didapati boleh meningkatkan kesedaran para pelajar terhadap kemampuan diri sendiri. Program ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan pelajar.

